

Simpan, Belanja, Kongsi dan Labur: Kaedah terbaik didik anak melabur

Utusan Malaysia, 8 Julai 2015

SUDAH pasti ramai daripada kita sering memikirkan kaedah terbaik untuk mendidik anak-anak kecil dan remaja mengenai pelaburan dan perancangan kewangan.

Dalam persekitaran yang mana pelbagai barang yang ada dipasaran sememangnya begitu menarik perhatian, kuasa anak-anak ini untuk mengawal keinginan masing-masing sememangnya agak lemah dan mudah dipengaruhi, lebih-lebih lagi kerana mereka belum memahami konsep keperluan dan kehendak.

Jangan terkejut jika ada anak-anak sekolah rendah yang menghabiskan wang di kedai buku membeli pemadam dan pensel yang *fancy*, buku nota yang cantik dan sebagainya. Malah ada yang mempunyai 20 hingga 30 pemadam yang digunakan sebagai bahan permainan dan sebagai koleksi yang menjadi kebanggaan.

Walaupun kantin tidak dibenarkan menjual makanan ringan, namun ada saja penjaja-penjaja yang membuka gerai di luar sekolah, menjual pelbagai benda daripada makanan hingga kepada permainan pada harga sekitar RM1-RM2.

Bagi golongan remaja pula, godaan rakan sebaya dengan telefon bimbit, hiburan seperti menonton wayang dan taman tema, fesyen pakaian dan kasut terkini dan kemudahan membeli belah secara on-line sememangnya menjadi duri dalam daging apabila kita cuba menyemai sikap menabung dalam diri mereka.

Justeru sebagai ibu bapa, bagaimana agaknya kita dapat menerapkan amalan menabung dan besederhana dalam diri anak-anak kita supaya mereka tahu merancang kewangan apabila dewasa kelak.

Antara kaedah yang boleh dijadikan panduan ialah konsep Simpan, Belanja, Kongsi dan Labur yang jika dididik dalam diri anak-anak secara berterusan, tidak mustahil mampu memupuk sikap ingin menyimpan dan melabur dalam diri mereka. Elaun harian/bulanan, hadiah kecemerlangan dan duit raya boleh dijadikan sumber simpanan.

Sekiranya boleh, mulakan kaedah ini seawal mungkin untuk mendidik anak-anak anda mengenai nilai wang dan juga kepentingan melabur demi masa depan. Ia juga mendidik anak-anak anda bahawa wang bukan hanya mengenai material sahaja, tetapi akan membawa kebaikan jika diurus dengan baik.

Paling penting, lebih awal anda mula mendidik anak-anak anda untuk melabur, lebih pantas wang pelaburan anak-anak anda berkembang. Ini kerana lebih lama anda melabur, lebih berkesanlah kuasa pengkompaunan dalam melaksanakan kuasa gandaannya.

Sudah pasti pelaburan ini kelak akan menjadi sumber kewangan yang kukuh apabila anak-anak anda mula berdikari kelak. Pada masa yang sama mereka terdidik untuk melihat wang dan pelaburan lebih dari sekadar kewangan semata-mata, tetapi juga mempunyai nilai murni sekiranya digunakan dengan sebaiknya.

Langkah dalam konsep Simpan, Belanja, Kongsi dan Labur.

Simpan

Sebagai ibu bapa, langkah pertama yang boleh anda lakukan ialah memberi menyediakan satu tabung untuk anak-anak anda. Bagaimana mengisi tabung ini? Anda perlu mengingatkan anak-anak supaya menyimpan baki elauan harian/bulanan yang mereka terima. Selain itu, anda boleh jadikan pemberian wang tunai sebagai hadiah setiap kali anak-anak anda meraikan sesuatu, tidak kiralah hadiah hari jadi atau hadiah kecemerlangan pelajaran. Begitu juga dengan duit raya yang diterima apabila musim perayaan.

Belanja, Kongsi dan Labur

Setiap 3-6 bulan atau apabila tabung berkenaan penuh, anda perlu mendidik anak-anak anda untuk menikmati ganjaran daripada titik peluh mereka menyimpan dengan membenarkan mereka melakukan 3 perkara berikut:

i. Belanja Diri Sendiri

10 peratus

Benarkan anak anda berbelanja untuk dirinya sendiri sebagai ganjaran peribadi untuk mereka, contohnya permainan, tiket wayang, pakaian, atau melakukan perkara yang mereka minati.

ii. Kongsi

20 peratus

Galakkan anak-anak anda untuk berkongsi wang mereka dengan memberi sedekah atau membantu orang susah atau mungkin juga untuk membelanja rakan, ibu bapa, atuk atau nenek. Ini bagi membolehkan mereka terdidik untuk berbuat baik dengan orang lain menerusi wang yang mereka

miliki. Mereka akan melihat wang bukan hanya dari nilai wang semata-mata, tetapi juga nilai kemanusiaan dan nilai murni yang boleh terhasil daripadanya.

iii. Melabur

70 peratus

Bawa anak anda melabur - buka akaun simpanan/pelaburan berisiko rendah yang mudah difahami oleh anak-anak anda. Sebagai contoh, anda boleh membuka buku pelaburan ASB, ASB2 atau ASD untuk anak-anak anda.

Semua unit amanah ini mempunyai ciri yang sama seperti simpanan dibank, cuma bezanya, berdasarkan rekod pembahagian dividen sebelum ini, pulangannya adalah lebih tinggi.

Jadikan buku pelaburan sebagai harta paling berharga untuk anak-anak anda. Setiap kali dividen diumumkan, mungkin anda boleh membawa mereka untuk mengemaskini buku pelaburan berkenaan, supaya mereka melihat sendiri bagaimana pelaburan mereka berkembang hasil titik peluh mereka berjmat cermat dan melabur. Ini diharap dapat meningkatkan semangat mereka untuk terus melabur.